# Tutorial

Selamat datang ke tutorial TBO. Saya akan menerangkan bagaimana hendak guna penyunting komik yang hebat ini.
Dalam penyunting ini terdapat tiga perkara asas yang membentuk komik anda.

Dalam setiap komik terdapat sekurang-kurangnya satu halaman, dalam setiap halaman biasanya terdapat bingkai dan dalam setiap bingkai akan dat "objek", doodle, bebuih, teks, dan lain-lain.



Bila anda menjalankan TBO satu dokumen baharu dengan halaman dan saiz akan dibuka. Jika anda mahu saiz halaman lain, anda boleh klik pada Fail->Baharu, dan anda boleh pilih saiz komik baharu.

Dengan butang palang alat, anda boleh tambah, padam atau alih diantara halaman.



Cuba tambahkan halaman kemudian buangkan

Kini anda boleh mengawal halaman yang seterusnya dapat membuat perkara lebih kompleks iaitu bingkai.
Anda hanya boleh melukis bingkai dalam mod halaman, iaitu mod piawai. Untuk melukis bingkai anda mesti aktifkan butang "bingkai baharu" (f), pilih ia dan lukis satu bingkai.

Anda boleh melukis sebanyak mana bingkai yang dikehendaki bila anda membina adegan anda. Untuk memadam bingkai, pilih ia dan kemudian tekan kekunci Delete, atau gunakan menu Sunting->Padam.



Untuk memilih gunakan "alat pemilihan" (s): anak panah.
Bila anda telah aktifkan alat ini, anda boleh klik pada bingkai untuk memilihnya.

Bila bingkai telah dipilih ia akan muncul sebagai bingkai berbintik, kuning dengan petak kecil di sebelah kanan bawah. Jika anda seret petak ini, anda boleh saizkan semula bingkai. Jika anda klik bingkai dan seret ia, anda boleh alihkannya di dalam halaman.

Pada panel alat (sebelah kanan) terdapat pelbagai pilihan untuk mengubahsuai bingkai anda.



Kini anda boleh mengawal bingkai dan mod edisi halaman, mari kita ke mod edisi bingkai.

Untuk membuatnya dwi-klik pada bingkai. Jika anda alih kursor tetikus menerusi bingkai anda dapat melihat mesej.

Bila anda membuat dwi-klik, anda berada dalam mod edisi bingkai dan semua perkara lain akan hilang.
Sekarang anda dapat melihat penyisipan "doodle" (d), "teks" (t), "bebuih" (b) dan "imej luar".

Untuk kembali ke mod halaman tekan kekunci Escape.

Untuk menambah doodle baharu tekan butang doodle dan pada palang sisi anda dapat melihat senarai doodle yang tersedia. Untuk menambah salah satu adegan anda, hanya perlu seret ia ke kedudukan yang dikehendaki.

Pemilihan "doodle" adalah serupa dengan pemilihan bingkai. Anda boleh alih ia, saizkan semula ia dan padam ia dengan cara yang sama. Dan juga anda boleh putar doodle menggunakan gelung kiri atas.

Dalam menu Suntingg, anda boleh lihat pilihan TBO untuk mengubahsuai adegan, bila anda telah memilih doodle, anda juga dapat melihat pengikatan kekunci.



Petua: guna kekunci ">" dan "<" untuk skalakan bila anda telah memilih objek.

"Bebuih" adalah sama dengan doodle.
Seret bebuih ke ruang yang anda mahu dan ubahsuai ia mengikut kehendak anda.



Alat teks adalah sedikit berbeza dengan yang lain. Bila alat ini telah diaktifkan, anda boleh klik zon melukis untuk tambah objek teks. Bila objek telah ditambah, disebelah kanan palang sisi anda dapat memilih fon dan warna. Serta kotak teks yang mana anda patut tuliskan teks di dalamnya.

Bila anda keluar dari mod edisi teks, teks adalah serupa dengan objek iaitu anda boleh mengubahsuai ia dengan cara yang sama.

Jika anda mahu sunting beberapa teks, anda patut memilih alat teks dan klik pada teks yang mahu diubah. Teks semasa akan muncul dalam palang sisi kanan teks yang anda mahu ubah itu.

Untuk menambah imej luar terdapat alat "imej". Klik pada alat ini dan anda boleh tambah fail berformat .png yang akan menjadi objek baharu dalam adegan anda.

Imej luar dipaut supaya jika anda kongsi fail sumber .tbo dengan orang lain, atau jika anda alih imej sumber, berkemungkinan program tidak dapat mencari imej sumber dan tidak muncul dengan betul.



Penghujung tutorial.
Sekarang ikutlah imaginasi anda sendiri.

Jika ada apa-apa soalan / cadangan / tampalan / ucapan, dan lain-lain, anda boleh hubungi dani@danigm.net atau pergi ke halaman TBO https://github.com/danigm/TBO.